



**SEMINAR SYARIAH  
KE ARAH MEREALISASIKAN  
UNDANG-UNDANG ISLAM  
DI MALAYSIA  
16 – 17 JUN 1987**

KONSEP AL DHARURAH DAN PERLAKSANAANNYA  
DALAM UNDANG-UNDANG ISLAM.

OLEH  
DR. ABD AZIZ HJ HANAFI  
EN. YACCOB HJ ISMAIL  
AKADEMI ISLAM UNIVERSITI MALAYA.

TEMPAT  
DEWAN KULIAH I INSTITUT PENGAJIAN TINGGI  
UNIVERSITI MALAYA

ANJURAN  
FAKULTI SYARIAH AKADEMI ISLAM UNIVERSITI MALAYA  
KUALA LUMPUR

## KONSEP AL-DHARURAH DALAM PERUNDANGAN ISLAM

Dr. Ab. Aziz Hj. Hanafi  
En. Yacob Hj. Ismail

### DEFINISI DHARURAT

Adalah beberapa pengertian mengenai dharurat yang telah dikemukakan oleh ahli-Ulum Islam, diantaranya:

**KELAPAN:** "Dharurat ialah takut atau bimbangkan bahaya dan keracunan (kebinasaan) ke atas diri atau ke atas beberapa anggota tubuh badan sekiranya secara itu dengan menakut benda-benda yang haram."<sup>1</sup>

**KEDUAHAI:** "Yang disebutkan dengan dharurat kelaparan ialah sekiranya seseorang itu dengan menakut makanan atau benda yang haram, maka di-khutiri akan menghadapi ketinasan ke atas diri atau anggota tubuh badannya."<sup>2</sup>

"Dharurat ialah keadaan di mana seseorang itu sampai keswua pada sesuatu dan dia sebenarnya dia tidak cuba mengatasinya dengan meng-

## **KONSEP AL DHARURAH DAN PERLAKSANAANNYA DALAM UNDANG-UNDANG ISLAM.**

**KEMPAH:** "Dharurat ialah keimbangan seseorang terhadap kebinasaan dirinya semada secara yakin atau tan. Dalam hal ini seseorang itu tidaklah disyarakkan supaya bersabar sehingga membawa kepada kematiannya, malah memudahkan sekedar timbulnya rasa keimbangannya terhadap keselamatan dirinya walaupun secara tan."

**OLEH**

**KELIMA:** DR. ABD AZIZ HJ HANAFI keselamatan dirinya kerana tidak mendapat bantuan teman yang berbahaya, atau bertambahnya masa perjalanan manusia, atau berlarutan, atau berjalan kaki atau menunggang (dalam perjalanan safar) sedangkan dia tidak ada benda-benda yang halal untuk dimakan maka hendaklah (wajiblah) dia menakut benda-benda yang haram.<sup>3</sup>

DR. ABD AZIZ HJ HANAFI  
EN. YACCOB HJ ISMAIL

AKADEMI ISLAM UNIVERSITI MALAYA.

**KELAMAT:** "Dharurat ialah keimbangan seseorang itu terhadap keselamataninya (mati) atau keselamatan kesesuaian harta bendanya sekiranya dia tidak mendapatkan benda-benda yang haram yang terlarang. Dalam erti kata lain, seorang yang dalam keadaan dimana masalahnya yang bersifat dharurat itu terancam selama mana dia tidak mendapatkan benda-benda yang haram"<sup>4</sup> (Benda-benda yang tidak menyentuh hak orang lain).

**KETUJUH:** "Dharurat ialah keadaan dimana seorang itu terdedah kepada bahaya sekiranya dia cuba menyanggahinya seperti ancaman pekasan secara yang betul-betul (mujik) atau takut mati kelaparan."<sup>5</sup>

**KELAPAN:** "Dharurat ialah suatu keadaan bahaya atau kesusahan yang bersanggutan yang tunduk yang dibimbangkan berlakunya kerudharatan, atau sesuatu yang boleh merbinasakan diri seseorang atau salah satu anggotanya atau kehormatannya atau akalnya atau harta bendanya dan apa-apa yang menjadi sanggutan kepada perkara-perkara di atas. Seseorang yang berada dir dalam keadaan ini divajibkan atau ditarusken kepada untuk melakukannya sesuatu yang haram atau meninggalkan yang wajib atau manta'khirkah dari pada waktuunya demi mengelakkan daripada kesudharatan tersebut (pada sebaliknya) berdasarkan kepada batasan-batasan syarak)."<sup>6</sup>

## KONSEP AL-DHARURAH DALAM PERUNDANGAN ISLAM

Dr. Ab. Aziz Hj. Hanafi  
En. Yaacob Hj. Ismail

### PENGERTIAN DHARURAT:

Ada beberapa pengertian mengenai dharurat yang telah dikemukakan oleh Ulama-Ulama Islam, diantaranya:

PERTAMA: "Dharurat ialah takut atau bimbangkan bahaya dan kerrosakan (kebinasaan) ke atas diri atau ke atas beberapa anggota tubuh badan sekiranya seorang itu enggan memakan benda-benda yang haram."<sup>1</sup>

KEDUA: "Yang dimaksudkan dengan dharurat kelaparan ialah sekiranya seseorang itu enggan memakan makanan atau benda yang haram, maka dikhuatiri akan membawa kepada kebinasaan ke atas diri atau anggota tubuh badannya."<sup>2</sup>

KETIGA: "Dharurat ialah keadaan di mana seseorang itu sampai kesuatu peringkat dimana sekiranya dia tidak cuba mengatasinya dengan menggunakan perkara-perkara yang terlarang disisi syarak dia akan mati atau menyebabkan kematian seperti seorang yang terpaksa memakan makanan yang haram atau terpaksa memakai pakaian yang haram."<sup>3</sup>

KEEMPAT: "Dharurat ialah kebimbangan seseorang terhadap kebinasaan dirinya samada secara yakin atau zan. Dalam hal ini seseorang itu tidaklah disyaratkan supaya bersabar sehingga membawa kepada kematiannya, malah memadailah sekadar timbulnya rasa kebimbangannya terhadap keselamatan dirinya walaupun secara zan."<sup>4</sup>

KELIMA: "Seseorang yang bimbangkan terhadap keselamatan dirinya kerana tidak memakan benda yang haram (mati) atau sakit yang merbahaya, atau bertambahnya sakit tersebut, atau menyebabkan tempoh sakit itu berlarutan, atau menyebabkan dia ketinggalan temannya dalam perjalanan musafirnya, atau bimbangkan keletihannya untuk berjalan kaki atau menunggang (dalam perjalanan safar) sedangkan dia tidak ada benda-benda yang halal untuk dimakan maka hendaklah (wajiblah) dia memakan benda-benda yang haram."<sup>5</sup>

KEENAM: "Dharurat ialah kebimbangan seseorang itu terhadap keselamatannya (mati) atau keselamatan kesemua harta bendanya sekiranya dia tidak mendapatkan benda-benda yang haram yang terlarang. Dalam erti kata lain, seorang yang dalam keadaan dimana maslahatnya yang bersifat dharurat itu terancam selama mana dia tidak mendapatkan benda-benda yang haram"<sup>6</sup> (Benda-benda yang tidak menyentuh hak orang lain).

KETUJUH: "Dharurat ialah keadaan dimana seorang itu terdedah kepada bahaya sekiranya dia cuba menyanggahinya seperti masalah paksaan secara yang betul-betul (muljik) atau takut mati kelaparan."<sup>7</sup>

KELAPAN: "Dharurat ialah suatu keadaan bahaya atau kesusahan yang bersanggatan yang mendadak yang dibimbangkan berlakunya kemudharatan, atau sesuatu yang boleh membinasakan diri seseorang atau salah satu anggotanya atau kehormatannya atau akalnya atau harta bendanya dan apa-apa yang menjadi sangkutan kepada perkara-perkara di atas. Seseorang yang berada di dalam keadaan ini diwajibkan atau diharuskan kepadanya untuk melakukan sesuatu yang haram atau meninggalkan yang wajib atau menta'khirkan daripada waktunya demi mengelakkan daripada kemudharatan tersebut (pada zannya) berdasarkan kepada batasan-batasan syarak."<sup>8</sup>

TAKRIF PILIHAN:

Diantara takrif-takrif di atas, maka takrif yang menjadi pilihan penulis ialah yang dikemukakan oleh As-Syafiiyah, kerana takrif itu lebih menyeluruh dan mencakup semua bidang dharurat yang sering berlaku di dalam kehidupan manusia. Takrif inilah yang telah dijadikan asas untuk melihat betapa dharurat itu perlu dikaitkan dalam semua bidang dan aspek kehidupan. Ianya meliputi bidang-bidang:<sup>9</sup>

- a) Ibadat.
- b) Mu'aamalat.
- c) Munakahat.
- d) Jinayat.

DALIL-DALIL SYARII-NYA KONSEP DHARURAT DALAM ISLAM:-

Di sana ada tiga sumber pengambilan hukum untuk sama-sama kita melihat betapa syariinya Konsep Dharurat Dalam Islam.

Pertama: Ayat-Ayat Al-Quran:

Terdapat ada LIMA ayat Al Quran yang menyentuh konsep dharurat, diantaranya disebutkan sebagai contoh ialah:-

1) "Sesungguhnya Allah hanya mengharamkan bagimu bangkai, darah, daging babi dan binatang yang ketika disembelih disebut nama selain dari-pada Allah, tetapi barangsiapa dalam keadaan terpaksa (dharurat) memakan-nya sedangkan ia tidak menginginkannya dan tidak pula melampaui batasan maka tidak ada dosa baginya. Sesungguhnya Allah maha pengampun lagi maha penyayang." (Al Baqarah - 173).

2) "Diharamkan bagi mu (memakan) bangkai, darah, daging babi, daging binatang yang disembelih atas nama selain Allah, yang tercekek , yang dipukul, yang jatuh, yang ditanduk, dan yang diterkam binatang buas kecuali yang sempat kamu menyembelihnya dan diharamkan bagi mu yang disem-belih untuk berhala, dan diharam juga mengundi nasib dengan anak panah adalah kefasikan. Pada hari ini orang-orang kafir telah putus asa untuk mengalahkan agama mu, sebab itu janganlah kamu takut kepada mereka dan takutlah kepada Ku. Pada hari ini telah Ku sempurnakan untuk kamu agama mu dan telah Ku cukupkan kepada mu nikmat Ku, dan telah Ku redzai Islam itu sebagai agama bagimu. Maka barangsiapa terpaksa kerana kelaparan tanpa sengaja berbuat dosa, sesungguhnya Allah maha pengampun lagi maha penyayang."(AL MAIDAH - 3)

Ayat pertama walaupun disebutkan secara terang-terang mengenai dharurat lapar yang bersangatan tetapi dalam ayat kedua dan tiga ayat yang lain difahamkan ianya meliputi semua dharurat termasuklah dharurat lapar.<sup>10</sup>

Kedua: Hadith-Hadith Nabi s.a.w.:

1) Daripada 'Adi Bin Hatim bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: "Binatang apa yang kamu latih samada anjing atau burong kemudian kamu suruhnya memburu dan kamu sebutkan ketika itu dengan nama Allah (Bismillah) maka makanlah apa yang dibawakan untuk kamu" (binatang-binatang yang halal sahaja seperti arnab dan sebagainya). Aku (Adi) bertanya: Apakah boleh aku memakan buruan kiranya dia sudah mati (sebelum sembelih). Jawab Ra-sulullah s.a.w.: "Walaupun dia mati dan binatang suruhan mu tidak memakan daripadanya sedikit pun, kerana sesungguhnya binatang suruhan mu itu hanya menangkap buruan tersebut semata-mata untuk mu." 11

2) Diriwayatkan oleh Abu Daud dan At-Tarmizi daripada Al-Hasan daripada Samurah bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda: "Jika ada diantara kamu berjumpa dengan binatang-binatang ternakan dan pada masa itu kamu terlalu lapar/dahaga, maka kiranya tuannya ada bersama-sama, mintalah izin sebelum kamu memerah dan meminum susu binatang ternakannya. Tetapi kalau tuannya tiada di situ, panggillah sebanyak tiga kali, kalau dia menyahut maka mintalah izin darinya terlebih dahulu. Kalau dia tidak menyahut (tidak ada ditempat itu) maka perahlah susu binatang sekadar untuk melepaskan rasa lapar dan dahaga dan jangan di bawa bersama." 12

3) Daripada Said Bin Zaid beliau berkata: Bersabda Rasulullah s.a.w. : "Sesiapa yang terbunuh dengan kerana mempertahankan agamanya, darahnya, dirinya, harta bendanya atau keluarganya maka matinya sebagai seorang syahid." 13

Hadith yang pertama menyatakan tentang harusnya kita memakan (dharurat) binatang-binatang yang diburu dan ditangkap oleh anjing dan burung-burung liar yang dilatih sekalipun binatang suruhan itu najis.

Hadith kedua pula menerangkan tentang harusnya (dalam keadaan dharurat) memakan hak orang lain, walau pun pada asalnya adalah haram.

Sementara hadith ketiga menjelaskan tentang harusnya (dalam keadaan dharurat) membunuh dan berbunuh-bunuhan kerana mempertahankan sesuatu yang tersebut di dalam hadith sedangkan membunuh dan berbunuh-bunuhan sesama manusia adalah haram.

#### Ketiga: Konsep kemudahan dar. tolak ansur.

Diantara prinsip-prinsip Am dan Rukun-Rukun Asasi di dalam Syariat Islam yang diturunkan kepada Junjungan Nabi Muhammad s.a.w. ialah Konsep Kemudahan, Tolak Ansur dan Sederhana serta mengelakkan Kepayahan & Kesukaran dalam semua hukum samada hukum-hukum itu dinaskan secara terang-terang di dalam Al Quran dan Sunnah Rasulullah s.a.w. atau melalui Ijtihad para fuqaha' yang meliputi semua urusan : Ibadat, muamalat, munakahat dan jinayah dimana tujuannya ialah untuk mengelakkan setiap mukallaf daripada perasaan jemu dan bosan serta taqsir (cuai) untuk beribadat kepada Allah lebih-lebih lagi bila seseorang itu sibuk dengan urusan-urusan keduniaannya.

Maka dengan kerana itulah Islam telah menjadikan konsep serupa ini sebagai suatu nilai yang tetap yang tidak berubah sepanjang zaman di mana saja manusia itu berada.

#### SYARAT-SYARAT ASASI DHARURAT:

Berdasarkan kepada pengertian-pengertian dharurat yang disebutkan tadi ternyata bahawa untuk menentukan sesuatu keadaan itu dharurat atau sebaliknya ia adalah bergantung rapat kepada syarat-syaratnya. Dalam hal ini Ulama-Ulama Islam - berdasarkan kepada kajian-kajian mereka yang mendalam mengenai Al Quran, As-sunnah, amalan-amalan sahabat dan prinsip-prinsip am Perundangan Islam, mereka telah menyenaraikan syarat-syarat dharurat, antara yang terpenting adalah seperti berikut:-

Pertama: Keadaan dharurat itu mestilah sesuatu yang sedang berlaku dan bukannya yang masih dalam ramalan dan andaian. Ertinya memang perasaan bimbangkan kerosakkan jiwa dan harta sebenarnya sedang dihadapi oleh seseorang itu berdasarkan zan melalui pengalaman hidupnya, atau pun memang ternyata tentang bahaya yang benar-benar akan mengancam ke atas salah satu dharuriat yang lima yang sama-sama dipelihara oleh mana-mana agama & Syariah Allah yang lain iaitu: Agama, Akal, Jiwa, Kehormatan dan Harta benda.

Ini bermakna kalau seorang itu masih belum berhadapan dengan keadaan tersebut dan dia tidak berasa bimbang apa yang disebutkan tadi, maka tidak diharuskan baginya untuk menyanggahi mana-mana Hukum Asli yang Umum Samada Haram atau Wajib.

Kedua: Bahawa yang ternyata kepada orang yang berada didalam dharurat baginya tidak ada jalan keluar atau pilihan yang lain melainkan dengan melakukan perkara-perkara yang terlarang disisi Syarak. Hinggakan tidak ada suatu walaupun hak milik orang lain untuk digunakan seperti makanan dan sebagainya. Dalam hal ini Islam membolehkan seseorang itu melakukan perbuatan-perbuatan yang haram untuk semata-mata melepaskannya daripada keadaan dharurat tersebut.

Ketiga: Keadaan dharurat itu mestilah bersifat muljiah ( ) dimana seorang itu bimbang (berdasarkan kepada keyakinannya atau zannya) akan kebinasaan jiwanya atau anggota tubuh badannya, seperti seorang yang disuruh memakan bangkai dengan menggunakan paksaan dan ugutan yang boleh membinasakan dirinya atau mencacatkan anggotanya sedangkan pada masa itu masih ada benda-benda yang diharuskan oleh Syarak.

Keempat: Seorang yang dalam keadaan dharurat haram baginya menyanggahi konsep-konsep asasi dalam Syariat Islam seperti memelihara hak-hak orang lain, melaksanakan keadilan, menunaikan amanah dan tanggongjawab menghindarkan bahaya kemudharatan juga memelihara konsep keagamaan dan prinsip-prinsip Aqidah Islam seperti seorang itu - dalam semua hal - diharamkan daripada berzina, membunuh kufur dan merompak, kerana perbuatan-perbuatan tersebut pada zatnya adalah merupakan kebinasaan.

Kelima: Dalam keadaan dharurat seorang itu diharuskan menggunakan benda-benda yang haram hanya sekadar yang diperlukan sahaja (Had Minima), kerana pengharusan terhadap yang haram adalah suatu dharurat, dan tiap-tiap dharurat mestilah diukur dan disukat dengan ukuran dan sukatan yang se-adil-adilnya.

Keenam: Khusus mengenai dharurat ubat-ubatan ini perkara ini hendaklah diputuskan oleh doktor muslim yang adil, kokoh pegangan agamanya dan berkeeahlian dalam bidang iktisasnya, yang memutuskan bahawa setakat ini tidak ada ubat yang sesuai dengan si pesakit melainkan benda-benda yang haram belaka. Kebetulan pula penyakit tersebut amat merbahaya yang pada hemat doktor tersebut boleh mengancam nyawa si pesakit atau menderakan anggota-anggota tubuh badannya.

Ketujuh: Bagi sesiapa yang berada didalam keadaan dharurat kelayaran hendaklah dia bertahan untuk masa selama sehari semalam untuk mencari dan mendapatkan makanan yang halal. Biasanya tempoh ini seorang itu masih bertenaga dan mampu pula untuk berikhtiar mendapatkan makanan-makanan halal. Syarat ini sebenarnya adalah kesimpulan pengertian yang terkandong dalam sebuah hadith yang bermaksud: "Hendaklah seorang itu bersabar mulai dari pagi sampailah ke petang sedangkan dia tidak mendapati apa-pun untuk dimakan."

Kedelapan: Negara Islam yang sedang terdedah kepada bahaya-bahaya - dharurat - seperti menghadapi masalah kelumpuhan ekonomi, maka pemerintah - mengikut pendapat setengah Ulama Islam - bolehlah bagi pihak negaranya mengadakan hubungan dengan negara-negara yang bukan Islam yang antara lain untuk mendapatkan pinjaman berfaedah demi menampung keperluan awam dalam negara.

KEADAAN-KEADAAN YANG TERMASUK DALAM DHARURAT:-

Berdasarkan kepada taarif atau pengertian dahrurat tadi dapatlah difahamkan bahawa ada dua faktor yang menjadikan keadaan seseorang itu dharurat:

1) Faktor dalaman diri seseorang seperti lapar, sakit, perjalanan safar dan sebagainya.

2) Faktor luaran. Yang dimaksudkan disini ialah seseorang itu dipaksa oleh seorang lain yang zalim yang memiliki semua unsur paksaan yang boleh menyebabkan kematian orang di paksa atau mencederakan anggota tubuh badan.

Berpandukan kepada pembahagian di atas, di sana ada beberapa hal atau keadaan yang boleh digolongkan kedalam dharurat, diantaranya:-

- a) Dharurat lapar dan dahaga. (Makanan & Minuman)
- b) Dharurat sakit. (ubat-ubatan)
- c) Dharurat perjalanan musafir.
- d) Dharurat paksaan secara muljik. (Paksaan seumpama)
- e) Dharurat jahil tentang hukum.
- f) Dharurat lupa.
- g) Dharurat kesukaran dan merebakkan perkara-perkara haram secara meluas yang tak terkawal.
- h) Dharurat kekurangan semula jadi.
- i) Dharurat mempertahankan secara Syari'e.
- j) Menggunakan Istihsan dengan sebab dharurat.
- k) Dharurat masalah mursalah kerana ada dharurat.
- l) Dharurat kebiasaan (Urf).
- m) Dharurat sadduz - zarai'e (menutup pintu-pintu kebinasaan).
- n) Dharurat menuntut dan mengembalikan hak.

(Tiap-tiap satu keadaan di atas akan dijelaskan melalui contoh-contoh yang berkaitan).

PERBEZAAN ANTARA DHARURAT DAN MASLAHAT:-

Sebelum kita membuat perbezaan antara dharurat dan maslahat, elok juga kita melihat pembahagian Ulama-Ulama terhadap maslahat itu sendiri. Maslahat terbahagi kepada tiga bahagian:

- a) Dharuriat.
- b) Hajiat.
- c) Kamaliat atau Tahsiniyat.

Yang dimaksudkan dengan dharuriat ialah sesuatu yang menjadi punca kehidupan manusia samada di dunia atau di akhirat. Sekira tidak ada maka pincanglah kehidupan manusia di dunia dan menderitalah kehidupannya di akhirat - hanya terbahagi LIMA MATLAMAT SYAIRIAH yang terbesar;

- a) Memelihara Agama.
- b) Memelihara Iaka Keturunan.
- c) Memelihara Aqal.
- d) Memelihara Kehormatan.
- e) Memelihara Harta benda.

Adapun Hajiat ialah sesuatu yang diperlukan oleh orang ramai di-

mana sekiranya mereka mengen pikannya nescaya mereka berada di dalam kesempitan hidup tetapi tidaklah membawa kepada mati seperti yang terdapat pada dharurat, umpamanya diharuskan kepada pesakit dan musafir di bulan Ramadan, memakan makanan yang lazat-lazat, hukum hudud digantongkan dengan adanya Syubhah, diharuskan jual beli secara salam dan sebagainya, dan disyaratkan dua orang saksi yang adil, mas kahwin semasa akad nikah.

Sementara Kamaliat atau Tahsiniat ia merupakan perkara-perkara yang menyempurnakan urusan ibadat, muaamalat, munakahat dan jinayat. Ia lebih berbentuk maruah dan tata susila yang mulia seperti bersuci dan menjaga kebersihan, menutup aurat, ditegah menjual najis dan kotoran, dilarang bersifat membazir dan kedekut, seperti juga diharamkan membunuh wanita, kanak-kanak, orang tua-tua, dan yang tidak terlibat dalam perperangan dan sebagainya.

Dalam pembahagian ini dharurat hanya khusus untuk perkara-perkara dharuriat sahaja sedangkan maslahat meliputi ketiga-tiga bahagian tersebut. Ertinya maslahat lebih umum daripada dharurat. Ini tepat sekali kerana hukum-hukum dalam Islam pada asalnya bersifat Azimah dimana setiap mukallaf akan merasakan sedikit kesusahan dan kepayahan. Tetapi kepayahan itu ialah kepayahan yang biasa dan memang boleh ditanggung oleh setiap mukallaf, dan tidak diberikan kelonggaran dan kemudahan (rukhsah) melainkan dalam keadaan-keadaan yang begitu sempit iaitu di masa dharurat. Di sinilah sebenarnya kemuncak ubudiah seorang hamba terhadap Allah s.w.t.

#### KEDUDUKAN ANTARA DHARURAT DAN HAJAT.

Merujuk kepada bahagian-bahagian yang terdapat di dalam maslahat kita mendapati bahawa dharurat adalah yang tertinggi dan terpenting sekali kerana ia melibatkan nyawa manusia (mati) atau anggota tubuh badannya (cedera) berdasarkan kepada keyakinan nya atau zannya - sekiranya seseorang yang berada dalam keadaan itu tidak cuba mengatasi keadaan tersebut walau pun terpaksa melakukan perbuatan yang diharamkan atau meninggalkan sesuatu yang diwajibkan oleh Syarak. <sup>14</sup>

Hajat pula menduduki tempat kedua di mana keadaan lebih ringan daripada dharuriat, kerana mereka yang menghadapi keadaan tersebut hanya-lah sekadar mengalami kesusahan dan kesukaran sekiranya mereka tidak cuba mengatasinya.

Hajat yang dimaksudkan di sini ialah Hajat Umum yang menyentuh kepentingan orang ramai seperti masalah pertanian, perusahaan, perdagangan, pemerintahan yang adil dan sebagainya dan bukannya hajat keperluan orang perseorangan.

Selain daripada itu hukum-hukum pengecualian dengan sebab dharurat adalah bersifat sementara dan ianya disabitkan dengan nas-nas sedangkan hukum-hukum pengecualian dengan sebab hajat yang menyalahi keadah-kaedah umum dan qias lebih bersifat tetap.

#### KAEDAH-KAEDAH FIQAH YANG BERKAITAN DENGAN KONSEP DHARURAT

Disini diperturunkan beberapa kaedah fiqah yang berkaitan dengan konsep dharurat, diantaranya yang terpenting ialah:-

##### 1. KESUKARAN MENDATANGKAN KESENANGAN

Yang dimaksudkan dengan kesukaran disini ialah kesukaran atau kesusahan yang luar biasa yang memerlukan kerugian dan kelonggaran dan

hukum-hakam. Adapun kesukaran biasa, maka hal seperti itu sememangnya ada pada setiap tanggungjawab yang dibebankan oleh Allah s.w.t. ke atas hamba-hambanya. Kaedah ini berdasarkan kepada Ayat-Ayat Al Quran dan Hadith-Hadith Nabi s.a.w. antaranya firman Allah yang bermaksud: "Allah menghendaki dengan kamu kemudahan dan Dia tidak menghendaki dengan kamu kepayahan dan kesukaran." (Al Baqarah - 185). Dan sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud: "Sekasih-kasih agama kepada Allah ialah Agama yang bersih (Islam) dan bertolak ansur." 15

Berdasarkan kepada kaedah ini terbitlah beberapa hukum Islam - samada Ibadat - muamalat - munakahat - jinayat - demi memberi keringanan dan kelonggaran kepada mereka yang terlibat dengan keadaan-keadaan tertentu.  
(Contoh-contoh akan diberikan semasa pembentangan)

Kaedah ini adalah sebagai asas kepada beberapa kaedah cabang yang lain antaranya:-

a) Sesuatu itu sekiranya berlaku kesempitan maka ia akan meluas.

Al-Imam Es-Syafie selepas menyebutkan kaedah ini beliau menyebutkan kaedah sebaliknya iaitu: "Sesuatu itu bila sudah meluas maka dia akan menguncup semula."

Kaedah ini bermaksud bahawa sekiranya apa-apa kepayahan atau kesukaran dalam mana-mana hukum Syarak dan orang ramai atau orang perseorangan merasa kesempitan dengan hukum tersebut, maka Islam telah memberi kelonggaran dan keringanan kepada mereka dengan mengambil dan melaksanakan hukum yang lebih mudah.

(Contoh-contoh akan diberikan semasa pembentangan).

## 2. DHARURAT MENGHARUSKAN TEGAHAN

Kaedah ini bererti bahawa keadaan dharurat dan keperluan yang bersangatan itu mengharuskan berlakunya perkara-perkara yang asalnya haram di sisi syarak kecuali tiga perkara: kufur, zina dan membunuh. Itupun hanya setakat mengelakkan daripada bahaya mati atau kecacatan pada anggota tubuh badan dan tidak melampaui batasan-batasan dharurat.

(Contoh-contoh akan diberikan semasa pembentangan)

## 3. DHARURAT DIUKUR DENGAN UKURANNYA

Kaedah ini adalah sebagai batas penentu kepada kaedah yang sebelumnya dalam ertikata bahawa pengharusan terhadap sesuatu yang dilarang oleh syarak hanyalah sekadar melepaskan diri daripada bahaya mati atau tercederanya anggota tubuh badan. Umpamanya seorang yang diharuskan memakan makanan yang haram, hanyalah setakat dapat bertahan dan dia mampu bergerak untuk sampai ketempat yang ada makanan-makanan yang halal, dan tidak melebihi daripada had tersebut.

(Contoh-contoh lain akan disusuli semasa pembentangan)

## 4. APA YANG HARUS DILAKUKAN KERANA SESUATU KEUZURAN (DHARURAT) AKAN TERBATAL DENGAN HILANGNYA KEUZURAN TERSEBUT.

Kaedah ini maknanya hampir dengan kaedah yang sebelum malah ia-nya menjadi penyambung kepada kaedah tersebut. Kalau-lah kaedah sebelum ini digunakan semasa berlakunya dharurat maka kaedah ini pula digunakan selepas selesainya keadaan dharurat.

Ianya bermaksud bahawa dharurat adalah suatu keadaan yang bersifat sementara di mana pengharusan terhadap sesuatu yang haram atau meninggalkan sesuatu yang wajib ialah kerana adanya sesuatu keuzuran (dharurat) yang tidak dapat dielakkan. Maka apabila hilangnya keuzuran tersebut maka secara otomatis hilanglah juga segala kemudahan dan kelonggaran tadi.

Kaedah ini meliputi semua bidang ibadat, perjanjian-perjanjian (contract) dan kehakiman.

(Contoh-contoh yang berkaitan akan diberikan semasa pembentangan)

#### 5. YANG TERDAYA TIDAK GUGUR DENGAN YANG TIDAK TERDAYA

Kaedah ini - mengikut apa yang disebutkan oleh As-Syafie'i ah - adalah seperti dengan kaedah "Dharurat Diukur dengan ukurannya" - cumanya ia digunakan dalam perkara-perkara suruhan.

Kaedah ini bermaksud bahawa sesuatu perkara yang disuruh oleh Syarak itu kalaualah tidak berdaya dilakukan dalam bentuk yang sesempurnanya (kerana sesuatu keuzuran), janganlah ditinggalkan terus malah hendaklah dilakukan sekadar yang termampu.

(Contoh-contoh akan diberikan semasa pembentangan)

#### 6. DHARURAT TIDAK MEMBATALKAN HAK KEPUNYAAN ORANG LAIN

Sebenarnya kaedah ini juga membatas dan memperincikan kaedah "Dharurat mengharuskan tegahan" dimana sesuatu dharurat walaupun menjadi sebab yang mengharuskan seseorang itu melakukan perbuatan yang terlarang (haram) atau ia menjadi sebab maka gugurnya tanggongjawab kesalahan jenayah, akan tetapi dari sudut hak-hak orang lain yang bersifat kebenaran ianya tetap terpelihara, kerana tidak ada sebab yang sampai ketahap dharurat untuk dibatalkan hak orang-lain, seperti seorang yang dalam keadaan lapar yang bersanggatan (dharurat), walaupun dia diharuskan memakan hak orang lain tetapi hendaklah dia menjamin untuk membayar harga makanan itu jika dituntut oleh tuannya.

#### 7. HAJAT (SAMADA UMUM ATAU KHUSUS) MENGAMBIL TEMPAT DHARURAT

Yang dimaksudkan dengan Hajat atau Keperluan Umum ialah keperluan itu menyeluruh kepada semua ummat manusia. Hajat atau keperluan khusus pula bererti keperluan itu khusus untuk sekumpulan daripada orang ramai seperti penduduk sesebuah negara atau golongan profesional tertentu, dan bukannya bermaksud keperluan setiap peribadi.

Kaedah ini bermaksud bahawa keperluan yang bersanggatan samada umum atau khusus tentunya memberi kesan dalam mengubah hukum-hukum daripada kedudukan asalnya. Ia adalah sama dengan dharurat maka ia mengharuskan sesuatu yang dilarang dan meninggalkan yang wajib. Cuma beza antara dharurat dan Hajat ialah hajat lebih umum daripada dharurat kerana kesan meninggalkan hajat hanyalah sekadar terasa kesempitan dan kesusahan sedangkan kesan meninggalkan dharurat boleh membawa kepada mati atau cedera anggota tubuh badan.

(Contoh-contoh bagi kaedah ini juga akan diberikan semasa pembentangan).

#### SYARAT-SYARAT HAJAT YANG MENDUDUKI TEMPAT DHARURAT

Ulama-Ulama telah menegaskan bahawa hajat - keperluan yang bersanggatan yang mengambil tempat dharurat mestilah mempunyai ciri-ciri persamaan antara keduanya. Maka diantara ciri-ciri atau syarat-syarat terpenting yang dimestikan ialah:-

a) Sebab-sebab yang mendorong kepada menyanggahi Hukum Syarak yang asal telah sampai keperingkat kesukaran dan kepayahan yang luar biasa yang tidak dapat ditanggung oleh orang ramai.

b) Perhatian yang perlu diberikan kepada penilaian perkara-perkara yang mendorong ke arah penggunaan hukum-hukum berkecuali (dengan kerana hajat) ialah keadaan seorang yang kehidupannya sederhana dan menurut kebiasaan, kerana Perundangan Islam itu sendiri asalnya bersifat umum dan tidak terikat dengan setiap peribadi.

c) Hendaklah hajat atau keperluan yang bersanggatan itu adalah satu-satunya alternatif, yang bererti bahawa tidak ada jalan-jalan yang lain yang Syari'ee - pada kebiasaannya - untuk menyelesaikan masalah yang sedang dihadapi itu melainkan dengan menyanggahi hukum-hukum asal (haram atau wajib).

d) Hajat atau keperluan yang amat sangat kedudukannya sama sepertimana dharurat dimana ia hendaklah diukur dan disukat mengikut ukuran dan sukanan yang sepatutnya.

#### Kesimpulan:

Menyedari akan hakikat masalah-masalah asasi yang dihadapi oleh masyarakat Islam di Malaysia hari ini, kita - dari semua peringkat - tentunya menyedari dengan penuh tanggongjawab kepada Allah s.w.t. bahawa kita tidak redza masalah dan keadaan-keadaan ini berterusan tanpa sebarang penyelesaian secara Islam, kerana kita sama-sama yakin yang bentuk penyelesaian yang ada pada hari ini tidak akan sampai ke mana-mana, malah akan menimbulkan masalah-masalah sampingan yang lain pula.

Kita bersyukur kepada Allah s.w.t. kerana diakhir-akhir ini sudah ada usaha-usaha daripada pihak kerajaan ke arah mengwujudkan institusi-institusi kewangan Islam. Ada diantaranya sudah masuk ke peringkat paksaan. Semoga usaha-usaha seperti ini serious. Sebelumnya sudah ada individu-individu Islam, malah pertubuhan-pertubuhan Islam yang telah bekerja ke arah menyelesaikan masalah anggotanya dan ternyata bahawa kerja-kerja tersebut mendapat kejayaan yang menggalakkan.

Daripada semasa ke semasa Umat Islam hendaklah diberikan kefahaman dan kesedaran Islam yang betul seterusnya menghayati Islam itu sendiri sebagai Ad-Din dalam semua bidang kehidupan. Kalau ini semua benar-benar berlaku, maka sudah pasti Umat Islam bijak dan membuat penilaian yang tepat kepada masalah-masalah yang sedang mereka hadapi apakah sebenarnya sudah termasuk dalam keadaan dharurat atau hajat ataupun kamaliat? Begitulah pemerintah, kalau sudah Islam dijadikan neraca pengukur kepada semua kegiatan, maka sudah tentu suatu penilaian tepat dapat diberikan terhadap problem dan masalah yang sedang dihadapi oleh negara.

Ulama-Ulama pula mesti menyakinkan kepada diri mereka bahawa mereka juga mempunyai tugas yang amat besar dalam mengubah suasana-suasana yang tidak Islam kepada suasana Islam yang sebenarnya.

Untuk suatu perancangan jangka panjang ke arah melahirkan masyarakat Islam yang adil dalam pertimbangan dan penilaiannya maka ianya mesti bermula daripada sistem pendidikan yang diserahkan amanah Islam kepadanya untuk bertindak dengan cara yang bijak, cermat dan hati-hati dalam suatu usaha melahirkan ummah dalam erti kata yang sebenar.

Insya Allah semoga segala cita-cita dan kerja-kerja Islam kita di-terima dan diberi taufiq oleh Allah.

Sekian, selamat berbincang. Wassalamualaikum.w.w.

NOTAKAKI

1. Abu Bakr Al-Jassas.
2. Al-Bazdawi.
3. Az-Zarkasyi & As-Sayuti.
4. Al-Malikiah.
5. As-Syafiiyah.
6. As Syiekh Mohammad Abu Zahrah.
7. As-Syiekh Mustafha Az-Zarqa.
8. Dr. Wahbah Az-Zuhaili.
9. Sila lihat:Nazariyat Al-Adharurat Al-Syariah - Dr. Wahbah Az-Zuhaili. M.s. 65.
10. Sila rujuk 3 Ayat Quran lain yang berkaitan: AL AN'AAM- 145, AN-NAHL - 115 dan AL-AN'AAM - 119 - Sila rujuk Dr. Wahbah dalam bukunya "Nazariyat Al-Dharuratus Al-Syariah - 55.
11. Riwayat Al-Imam Ahmad dan Abu Daud. Sila rujuk Al-Imam As-Syaukani dalam "Nailul Autar Jilid 8 - m.s. 130/
12. Rujuk As-Syaukani - Nailul Autar, Jilid 8 - m.s. 154.
13. Diriwayatkan oleh Abu Daud, Tarmizi, An-Nasaii dan Ibnu Majah.
14. El-Syiekh Mohammad Ahmad Ad-Dahmah - Pengantar Fiqh Islam.
15. Hadith dikeluarkan oleh Al-Imam Ahmad dalam Musnadnya, dan At-Tabarani serta Al-Bazzar daripada Ibni Al-'Abbas.

BAHAN-BAHAN RUJUKAN

1. Al-Jassas. - Ahkam Al-Quran.
2. Ad. Dirdir - As-Syarhulkabir.
3. Syiekh Mohammad Abu Zahrah - Usul Fiqh Al-Islami.
4. Syiekh Mustafha Az-Zarqa - Al-Madkhal Al-Fiqhi.
5. Syarbini Al-Khatib - Mughni Al-Muhtaj.
6. Al-Qurtubi - Al-Jamie' Li-Ahkkam Al-Quran.
7. As-Syaukani - Nailul Autar.
8. As-Sayuti - Al-Asybah Wannazair.
9. Al-Ghazali - Al-Mustasfa.
10. Al-'Iz Ibnu Abdul As-Salam.
11. Al-Bukhari - Sahih El-Bukhari.
12. Muslim - Sahih Muslim.
13. At-Tarmizi - Sahih Et-Tarmizi.
14. Abu Daud - Sunan Abi Daud.
15. Ibnu Al-Qaiyim - 'Aalamul Muwaqqieen.
16. Abd. Qadir 'Audah - At-Tasyhrie' El-Jinaie Al-Islami.
17. Dr. Mohd. Salam Madkur - Nazariyatul Ibahah eindal Usuliyi'en.

RESOLUSIKONSEP DHARURAH DAN PERLAKSANAANNYA  
DALAM UNDANG-UNDANG ISLAM

Seminar ini menggesa perkara-perkara berikut diberi perhatian serious dan diambil tindakan segera:

1. Para ulama perlu lebih sensitif kepada isu-isu semasa dan bersedia untuk memutuskan hukum dengan segera dalam perkara yang melibatkan konsep dharurah.
2. Para ulama Islam perlu berhati-hati dalam menggunakan konsep "Dharurah" agar umat Islam tidak dengan sewenang-wenangnya tercebur dalam sesuatu amalan yang tidak memiliki sifat Dharurah yang sebenar.
3. Sistem kredit Islam mestilah disegerakan perlaksanaannya, agar umat Islam terhindar dari cengkaman riba.
4. Sistem bank yang ada sekarang mesti segera "diIslamisasikan".
5. Para ulama perlu memutuskan segera suatu ketetapan berkenaan dengan Amanah Saham Nasional (ASN), agar umat Islam tidak terkeliru tentang keharusan mengamalkannya.
6. Dalam bidang perubatan, para ulama mesti bekerjasama dengan para doktor bagi memastikan ubat-ubatan yang tidak harus digunakan oleh umat Islam serta menyediakan alternatifnya.
7. Menyeru umat Islam supaya jangan terlalu ghairah untuk melakukan sesuatu yang diharamkan dengan alasan "Dharurah" sebaliknya, hendaklah sanggup untuk berhadapan dengan sedikit kesukaran demi menjaga kesucian Syariah Islam.